

→ BANJIR

Mangsa rugi haiwan ternakan mati

[FOTO SYAHERAH MUSTAFA/BH]



Rosilawati membebaskan kambing peliharaannya yang diletakkan di atas lori ketika banjir.

→ Pemilik tak mampu berbuat apa-apa air naik mendadak

Oleh Syaherah Mustafa
bhkb@bh.com

► Rantau Panjang

Selain kerosakan harta benda akibat banjir, beberapa penduduk di sini turut mengalami kerugian apabila kebanyakan haiwan peliharaan mereka mati kerana gagal diletakkan di kawasan selamat.

Kebanyakan penduduk memberitahu paras air naik mendadak ketika banjir melanda daerah ini sejak Isnin lalu menyebabkan

mereka perlu segera menyelamatkan diri ke pusat pemindahan selain menyimpan dokumen penting.

Penduduk, Rosilawati Idris, 44, yang tinggal di Kampung Baru Lubok Stol, di sini, berkata dia mengalami kerugian kira-kira RM4,000 apabila empat daripada 18 kambing peliharaannya mati.

"Ketika paras air naik Isnin lalu, saya memindahkan semua kambing berkenaan ke dalam lori milik suami bagi mengelakkan ia mati kerana paras air di halaman rumah sudah mencecah

Info

Info banjir

Terengganu

- Mangsa - 251
- Keluarga - 69
- Pusat pemindahan - 3

Kelantan

- Mangsa - 1,018
- Keluarga - 332
- Pusat Pemindahan - 6

lebih satu meter.

"Kami sekeluarga kemudian berpindah ke pusat pemindahan dan pagi ini (semalam) apabila pulang ke rumah, saya dapati empat daripada kambing itu mati.

Mati kerana sesak

"Ia mungkin kerana sesak atau bekalan makanan tidak mencukupi dan saya terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM4,000 selain barangan rumah yang turut rosak akibat banjir," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Mohamad Bakar, 54, ber-

kata dia mengalami kerugian lebih RM3,000 apabila itik, ayam serta dua kambing peliharaannya mati akibat banjir baru-baru ini.

Katanya, air naik secara mendadak menyebabkan dia tidak mampu berbuat apa-apa selain berpindah ke pusat pemindahan bersama isteri dan tiga orang anak.

"Ketika itu saya tidak teringat langsung mengenai haiwan ternakan saya... apabila pulang ke rumah semalam (kelmarin), saya melihat haiwan ternakan saya sudah mati akibat banjir," katanya.

9/1/2017